



KP(BS) 8591/Jld.XVII (11)

26 September 2001

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 11/2001 :**  
**Pindaan Syarat Kelayakan Meminjam Buku Teks**  
**Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Kementerian Pendidikan**

Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memaklumkan pindaan terbaru syarat kelayakan meminjam buku teks (SPBT) di **Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)** dan **Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)** dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1999 bertarikh 9 Mac 1999 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/2001 bertarikh 24 Mei 2001. Dengan pindaan ini, syarat kelayakan meminjam buku teks SPBT di SJK (C) dan SJK (T) adalah seperti berikut :

**Murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang ibu bapa atau penjaga berpendapatan bulanan RM1000.00 ke bawah adalah layak menerima pinjaman buku teks tanpa mengira bilangan anak atau tanggungan.**

2. Walau bagaimanapun, syarat kelayakan meminjam buku teks di sekolah-sekolah lain, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT), dan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) adalah kekal seperti yang terkandung dalam para tiga Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1999 bertarikh 9 Mac 1999 dan para satu Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/2001 bertarikh 24 Mei 2001.

3. Sayugia diingatkan bahawa pemberian pinjaman buku teks SPBT adalah hanya untuk warganegara Malaysia sahaja. Surat pekeliing ini adalah berkuatkuasa mulia sesi persekolahan tahun 2002.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad  
Menteri Pelajaran Malaysia
  2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir  
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
  9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
  10. Penasihat Undang-Undang, Kementerian Pendidikan Malaysia
  11. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia